

Tak tinggal solat dhuha

■ Rahsia
kejayaan
graduan
cemerlang

Oleh ANIZA ZAINUDIN

anizazainudin@mediapri-
ma.com.my

Serdang


Niat mendapatkan ilmu, menunaikan solat dhuha dan berkongsi pengetahuan dengan teman menjadi resipi kejayaan penerima Anugerah Pingat Emas Canselor dan Pingat Emas Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM) Muhammad Syawal Amran, 24.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling itu antara 7,149 siswazah yang menerima ijazah dan diploma pelbagai bidang sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-37 dirasmikan Canselornya Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bermula semalam hingga 29 Oktober ini.

Anak kedua daripada empat beradik berasal dari Shah Alam ini meluahkan perasaan gembira dan bersyukur atas penghargaan diterima sambil menyifatkannya sebagai hadiah buat keluarga, teman dan pelajarnya.

"Saya ingin menjadi insan yang memberi manfaat kepada orang lain. Saya berharap kejayaan ini dijadikan inspirasi kepada pelajar saya untuk berjaya dalam pelajaran bukan sekadar memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Saya tidak suka membuang masa bagi perkara tidak berfaedah. Menjadi kebiasaan pada setiap semester saya menghubungi beberapa se-



SYAWAL bersama ibu bapa.

kolah di Shah Alam, tiga minggu sebelum peperiksaan akhir untuk menawarkan diri sebagai guru sementara.

"Bagi saya, universiti platform untuk mempelajari ilmu kepemimpinan dan ia harus dikongsi bersama masyarakat di luar," katanya yang turut aktif dalam Majlis Perwakilan Pelajar, Projek Pembangunan Komuniti dan juruhebah radio universiti.

Sementara itu graduan Ijazah Sarjana Muda Perakuman, Nor Hani Ithanin, 24, menganggap kesibukan bergelar usahawan burung puyuh sambilkan sejak tahun dua bukan alasan untuk mengabaikan pelajarannya.

Meskipun tidak mempunyai banyak masa lapang gara-gara sibuk menghantar pesanan pelanggan, Nor Hani

bijak membahagikan masa bagi melaksanakan dua tanggungjawab sebagai pelajar dan usahawan kerana ingin melihat kejayaan perniagaan dan pendidikan berjalan seiring.

Meminati dunia perniagaan, gadis berasal dari Bandar Tenggara ini berkata, idea untuk berniaga timbul apabila menyedari permintaan tinggi terhadap pasaran burung puyuh namun sukar mendapat bekalan.

Berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, Nor Hani turut meluahkan rasa terima kasih kepada Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) kerana memberi peluang untuk memajukan perniagaannya di UPM dan kawasan sekitar Serdang.